

ISU-ISU KEETIKAAN DALAM PENULISAN AKADEMIK BERKUMPULAN

[UNETHICAL ISSUES ON ACADEMIC WRITINGS GROUP]

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN¹
WAN NUR IZZATI WAN NOR ANAS²
ROSLAN UMAR¹
MOHD KHAIRUL AMRI KAMARUDIN³
ABDUL HANIS EMBONG⁴

Abstrak

Di dalam dunia akademik, individu dan penerbitan melalui penulisan akademik tidak boleh dipisahkan. Melalui penulisan akademik, akademia dapat meningkatkan prestasinya dan meningkatkan keterlihatan mereka dalam dunia akademik. Walau bagaimanapun, untuk menerbitkan sebuah penulisan akademik adalah tidak mudah. Hal ini memadamkan penulisan akademik bersifat teknikal dan perlu melalui proses yang panjang. Malah, penulisan akademik terikat dengan beberapa etika yang perlu diikuti. Salah satunya adalah etika dalam perletakan nama pengarang atau pengkreditan nama pengarang di dalam penulisan akademik. Walau bagaimanapun, akhir-akhir ini terdapat beberapa bentuk kecurangan yang dikenal pasti dalam penulisan akademik. Antaranya adalah perletakan nama pengarang secara tidak beretika. Kecurangan ini sudah tentu memberi impak yang tidak baik dan negatif terhadap dunia keserjanaan kerana mereka yang berada dalam dunia keserjanaan ini dikatakan mempunyai sifat integriti yang tinggi. Oleh itu, terdapat dua persoalan yang timbul dalam penulisan akademik. Pertama, adakah penulisan akademik terikat dengan etika-etika penulisan akademik? Kedua, Apakah bentuk-bentuk kecurangan dalam penulisan akademik? Bagi menjawab persoalan tersebut, terdapat dua objektif utama dalam menyelesaikan persoalan tersebut. Pertama, menjelaskan etika penulisan akademik berkumpulan. Kedua, menjelaskan bentuk-bentuk kecurangan dalam penulisan akademik. Bagi mencapai kedua-dua objektif ini, kaedah dokumentasi dijalankan. Data-data yang dikumpulkan ini dianalisis oleh analisis kandungan. Dapatan kajian ini mendapati bahawa penulisan akademik terikat dengan etikanya. Salah satunya adalah meletakkan nama pengarang atau kumpulan pengarang yang menyumbang kepada penghasilan penulisan akademik. Walau bagaimanapun terdapat dua bentuk kecurangan akademik antaranya meletakkan nama individu sebagai pengarang walaupun tidak memberi sumbangan terhadap penulisan dan tidak meletakkan nama pengarang yang menyumbang dalam penulisan. Amalan ini menyalahi etika penulisan akademik.

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

² Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur. MALAYSIA

³ Fakulti Sains Sosial dan Gunaan, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

⁴ Pusat Pendidikan Asas dan Lanjutan, Universiti Malaysia Terengganu, 21030 Kuala Nerus, Terengganu. MALAYSIA

Corresponding Author:

WAN MOHD KHAIRUL FIRDAUS WAN KHAIRULDIN, Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA.

E-mail: wanfirdaus@unisza.edu.my

Kata Kunci: Penulisan akademik, Penulisan berkumpulan, akademia, Ketidaketikaan.

Abstract

In the academic world, the authors and the publication of academic writing are inseparable. By publishing academic writing, academicians can improve their performance and increase their visibility in academia. However, academic writing is not an easy thing, as it is directly tied to the ethics of academic authorship. However, there have been several forms of unethical identified in academic authorship. Among them is the unethical placement of the author's name. This dishonesty certainly has a negative impact on the world of scholarship because those who are in this world of scholarship are said to have the nature of high integrity. Among the main causes of this problem is the need to achieve annual target. Is academic authorship tied to the ethics of academic authorship? What are the forms of dishonesty in academic authorship? There are two main objectives in solving the question. First, explain the ethics of academic authorship. Second, explain the forms of dishonesty specifically related to naming groups of authors in academic writing. The documentation method is carried out to obtain data related to ethics and forms of dishonesty in academic writing to achieve these objectives. The collected data were analyzed by content analysis to explain the inaccuracies in author nomination in academic writing. This study found that academic authorship is bound by its ethics as authoritative and recognized writing. One of the most common frauds is to put the name of an author or a group of authors who contributed to academic authorship. However, there are two main forms of academic dishonesty: putting the name of the individual as the author despite not contributing to the authorship and not putting the name of the contributing author in the authorship. This practice violates the ethics of academic authorship.

Keywords: Academic Authorship, Group Writing, Academia, Unethical

Cite This Article:

Wan Mohd Khairul Firdaus Wan Khairuldin, Wan Nur Izzati Wan Nor Anas, Roslan Umar, Mohd Khairul Amri Kamarudin & Abdul Hanis Embong. (2021). Isu-Isu Keetikaan Dalam Penulisan Akademik Berkumpulan. *Asian Journal of Civilizational Studies (AJOCS)*, 3(3), 111-119.

PENGENALAN

Penulisan akademik biasa dirujuk kepada penulisan yang ditulis oleh para ahli akademik. Penulisan akademik ini menghiasi pelbagai jurnal-jurnal dalam dan luar negara. Menurut Day (1983), kepengarangan akademik merupakan sebuah laporan yang bertulis dan diterbitkan bagi menjelaskan hasil penyelidikan. Manakala, menurut *American Psychological Association* (2001), kepengarangan akademik merupakan satu bentuk penulisan yang bersifat formal dalam mempersembahkan idea, konsep dan sebagainya dengan melibatkan penulis untuk merujuk kepada sumber yang berautoriti. Contohnya, jurnal, buku ilmiah dan sebagainya. Ini juga bermaksud, kepengarangan akademik adalah berbeza dengan kepengarangan atau penulisan lain kerana kepengarangan akademik mempunyai gaya kepengarangan yang jelas dan bersifat akademik (Davis, 1997).

Selain itu, kepengarangan akademik dihasilkan melalui disiplin yang tinggi dalam mendapatkan sesuatu fakta. Malah, dalam kepengarangan akademik juga mementingkan kesahihan fakta. Kepengarangan akademik juga turut memfokuskan kepada pengarang. Ini kerana pengarang adalah individu penting dalam menghasilkan kepengarangan akademik. Oleh itu sudah pasti pengarang mempunyai etika-etika tertentu dalam menghasilkan kepengarangan akademik yang baik dan tulen (Derntl, 2014).

Pada masa kini, penulisan akademik telah mendapat banyak kritikan kerana segelintir penulis yang melakukan salah laku dalam penerbitan (Muhammad Syukri Salleh, 2012). Antara kesalahan yang dilakukan termasuk "*free-riderism*", kepengarangan kehormatan, kepengarangan hantu dan sebagainya. Hal ini membawa kesan negatif kepada ahli akademik. Bagi tujuan itu, artikel ini akan menerangkan beberapa bentuk salah laku ini dengan lebih terperinci.

METODOLOGI

Kajian ini mengumpulkan kumpulan data dengan menggunakan dokumen sebagai fokus utama. Data-data tersebut kemudiannya dianalisis melalui kaedah analisis kandungan. Analisis kandungan digunakan untuk memberi maklumat dan menjelaskan tafsiran dokumen. Hasil daripada penganalisis ini akan membawa kepada kesimpulan yang sistematik (Krippendorff, 2004; Rohana Yusof, 2004). Oleh itu, hasil analisis untuk artikel ini akan menjelaskan bentuk-bentuk masalah yang tidak beretika dalam penulisan akademik, terutama dalam kumpulan penulis atau penulisan kumpulan.

DAPATAN KAJIAN

Artikel ini akan menganalisis dua perkara. Pertama, etika kepengarangan akademik terutamanya dalam perletakan nama pengarang di dalam kepengarangan akademik. Kedua, Kecurangan dalam kepengarangan akademik termasuk amalan-amalan perletakan atau pengkreditan nama individu atau sebaliknya yang menyalahi etika kepengarangan akademik.

Etika Kepengarangan akademik

Pengarang akademik merupakan individu yang mempunyai sumbangan dari segi fizikal dan mental seperti idea terhadap kandungan yang ada dalam kepengarangan akademik. Sumbangan-sumbangan tersebut membentuk sebuah penyelidikan dalam bentuk yang mudah difahami. Usaha dalam menghasilkan kepengarangan akademik tersebut adalah sesuatu yang boleh dipercayai (Iammarino, O'Rourke, Pigg Jr. & Weinberg, 1989). Definisi pengarang ini hampir sama definisi yang diberikan oleh Clement (2014) apabila pengarang merujuk kepada individu atau mereka yang telah memberikan sumbangan terhadap maklumat dan juga telah memainkan peranan yang besar dalam penghasilan termasuk penelitian, penulisan atau penyusunan maklumat tersebut dalam bentuk kepengarangan akademik. Justeru, boleh disimpulkan bahawa pengarang merujuk kepada seseorang atau mereka yang bertungkus lumus dan turut menyumbang dalam memanifestasikan sesuatu maklumat kepada sebuah bentuk

kepengarangan akademik dengan melalui beberapa prosedur seperti penambahan maklumat, penyusunan dan sebagainya.

Kepengarangan akademik dan pengarang saling berkaitan antara satu sama lain. Ini kerana setiap kepengarangan akademik perlu memberikan kredit kepada pengarang yang menghasilkannya (Mandal & Parija, 2013). Ini merupakan etika kepengarangan akademik yang utama. Kredit kepada pengarang sudah tentu akan memberikan implikasi terhadap akademik atau pekerjaan pengarang.

Di dalam sebuah kepengarangan akademik, bilangan pengarang tidak terbatas kepada seorang pengarang sahaja (Hundley, van Teijlingen & Simkhada, 2013). Bilangan pengarang boleh berlaku dalam bilangan yang ramai pengarang. Ini dinamakan sebagai pengarang bersama. Walau bagaimanapun, bilangan pengarang yang ramai adalah terhad berdasarkan syarat yang diberikan oleh setiap jurnal penerbitan. Ini kerana setiap jurnal penerbitan yang berbeza akan mengutarakan syarat yang berbeza. Menurut Pittella, Andriolo, Barbosa dan Santos (2014), tekanan terhadap mereka yang berada dalam dunia akademik seperti pensyarah untuk menghasilkan penerbitan kepengarangan akademik sangat tinggi. Ini juga menjadi faktor kenapa ramainya pengarang bagi sebuah kepengarangan akademik.

Kredit kepada pengarang adalah berdasarkan kepada sumbangan pengarang dalam menghasilkan kepengarangan akademik. Sumbangan tersebut diberikan sekurang-kurangnya satu komponen dalam kepengarangan akademik, mengenalpasti siapa yang bertanggung jawab ke atas setiap komponen yang diberikan atau dipertanggungjawabkan. Menurut Vuckvic-Dekic (2003), kredit terhadap pengarang dalam kepengarangan akademik adalah berdasarkan kepada tiga syarat. Pertama, sumbangan besar terhadap konsep dan reka bentuk, pemerolehan data. Kedua, menyusun artikel dan menganalisis data dan ketiga memberikan persetujuan terhadap suntingan kepengarangan akademik yang akan diterbitkan. Syarat-syarat tersebut perlu dipenuhi untuk mendapatkan gelaran pengarang bersama.

Walaupun bagaimanapun, terdapat dua alasan atau faktor utama apabila meletakkan nama pengarang di dalam sebuah kepengarangan akademik (Strange, 2008). Pertama, faktor penghargaan. Kedua, faktor tanggungjawab. Faktor pertama tersebut bertujuan untuk menghargai sumbangannya dalam menghasilkan kepengarangan akademik dan penerbitan ilmiah. Walaupun bagaimanapun, faktor kedua itu adalah pengarang akan bertanggungjawab ke atas kepengarangan akademik tersebut.

Susunan Perletakan Nama Pengarang berdasarkan Susunan Sumbangan dalam Penghasilan Kepengarangan Akademik

Umumnya, kepengarangan akademik dapat dihasilkan oleh seorang pengarang atau sekumpulan pengarang. Walaupun bagaimanapun, terdapat peraturan atau etika dalam meletakkan nama pengarang walaupun pengarang terdiri melebihi seorang pengarang. Justeru itu, semua yang dilantik atau dinamakan sebagai pengarang yang memenuhi syarat dalam kepengarangan perlu disenaraikan dan diletakkan nama.

Setiap pengarang juga sudah semestinya telah memberi komitmen dalam penghasilan kepengarangan akademik dan penerbitannya. Malah bertanggungjawab untuk setiap komponen dalam kepengarangan akademik tersebut. Ini juga turut bermaksud setiap pengarang perlu

bertanggung jawab terhadap integriti kepengarangan akademik dari awal penghasilannya sehingga ia diterbitkan (Vuckvic-Dekic, 2003).

Dari aspek kepengarangan akademik yang mempunyai bilangan pengarang yang ramai, perletakan nama atau kredit kepengarangan menjadi sangat sukar dan rumit. Ini kerana sumbangan yang tepat oleh setiap pengarang tidak dapat dinilai dengan nilai yang sebenar. Kadang-kala menyebabkan kesemua pengarang saling menuntut untuk mendapatkan kredit yang lebih besar dalam kepengarangan akademik. Oleh itu, persoalan timbul apabila sesuatu kepengarangan tersebut mempunyai bilangan pengarang melebihi seorang. Bagaimanakah pemilihan susunan pengarang berlaku? Pemilihan siapakah yang menjadi pengarang pertama, pengarang kedua, pengarang ketiga dan seterusnya?

Menurut Tschardtke, Hochberg, Rand, Resh dan Krauss (2007), pengarang pertama merupakan pengarang yang memberikan paling banyak sumbangan dalam kepengarangan akademik. Walau bagaimanapun, susunan kedudukan nama pengarang kedua, ketiga dan seterusnya adalah berdasarkan sumbangan, susunan abjad atau senioriti pengarang. Ini juga turut disebutkan oleh Hunt (1991) apabila urutan nama pengarang mencerminkan sumbangan pengarang. Ini bermaksud urutan nama pengarang menunjukkan urutan penurunan atau semakin kecil sumbangan mereka contohnya, pengarang pertama adalah penyumbang utama dalam kepengarangan. Manakala, pengarang kedua menyumbang kurang daripada pengarang pertama. Manakala sumbangan pengarang ketiga pula kurang berbanding sumbangan pengarang kedua.

Ini berbeza Riesenbergs dan Lundberg (1990), apabila mencadangkan susunan nama pengarang dalam kepengarangan dengan beberapa cadangan. Cadangan pertama, pengarang pertama adalah pengarang yang paling banyak melakukan dan menyumbang tugas-tugas kepengarangan termasuk mengarang. Manakala cadangan kedua pengarang kedua pula ditentukan dengan sumbangan secara umum bagi keseluruhan.

Cadangan ketiga pula nama pengarang senior perlu diletakkan namanya dalam urutan terakhir tanpa mengira sumbangannya.

Manakala Tschardtke et al. (2007) menyenaraikan empat pendekatan dalam pengkreditan kumpulan pengarang dalam kepengarangan akademik. Pertama, pendekatan yang dikenali sebagai Urutan menentukan kredit atau *Sequence Determines Credit (SDC)*. Urutan nama pengarang menggambarkan sumbangan pengarang dalam kepengarangan akademik mengikut urutan menurun. Pengarang pertama merupakan menyumbang terbesar dalam kepengarangan akademik. Manakala pengarang terakhir merupakan penyumbang yang paling sedikit.

Pendekatan kedua pula dengan menyenaraikan semua pengarang berdasarkan urutan abjad nama pengarang. Walau bagaimanapun, pendekatan ini lebih sesuai bagi situasi semua pengarang memberi sumbangan terhadap kepengarangan dalam kadar yang sama. Pendekatan ini dikenali sebagai 'sumbangan sama' atau *Equal Contribution (EC) approach*.

Pendekatan ketiga pula, menyoroti kepentingan pengarang pertama dan pengarang terakhir. Ini dikenali sebagai penekanan pengarang pertama-terakhir-pengarang atau *First-last-author-emphasis (FLAE)* norm. Manakala pendekatan keempat pula "percent-contribution-indicator (PCI)" membolehkan pengarang-pengarang menyatakan sumbangan mereka dalam bentuk peratus atau dengan menggunakan sistem pemarkahan.

Jika dilihat daripada kajian-kajian ini, disimpulkan bahawa pengarang yang memberikan sumbangan yang paling banyak terhadap penghasilan kepengarangan akademik akan diletakkan namanya di hadapan atau yang pertama. Begitu juga pengarang seterusnya diletakkan nama berdasarkan sumbangan mereka.

Di samping itu, bagi mengelakkan salah faham berlaku terutamanya dalam meletakkan nama kumpulan pengarang dalam sesebuah kepengarangan akademik, sangat penting bagi para pengarang berbincang terlebih dahulu perletakan nama dan sumbangan. Ini sangat penting kerana pengarang akan bertanggung jawab dengan sumbangan mereka dan juga bagi mengelakkan konflik antara pengarang itu sendiri (Takang, Kweku & Zotor, 2017). Malah, perbincangan ini akan mengurangkan kecurangan dalam kepengarangan akademik (Patience, Galli, Patience & Boffito, 2019).

Kecurangan dalam Kepengarangan Akademik

Di dalam kepengarangan, pengarang ditekankan berkaitan disiplin dalam meletakkan atau meletakkan kredit pengarang sesebuah kepengarangan akademik. Walau bagaimanapun, terdapat situasi kepengarangan yang tidak beretika atau disebut sebagai kecurangan kepengarangan akademik.

Menurut Patience, G. S., F. Galli, P. A. Patience, and D. C. Boffito (2019), terdapat lima bentuk kepengarangan yang tidak beretika. Pertama, *coercive authorship*, *honorary authorship*, *guest authorship*, *gift authorship* dan *ghost authorship*. Manakala Yasser Gaber (2011) pula berpandangan terdapat empat bentuk kepengarangan yang tidak beretika secara umum. Pertama, *gift authorship*, kedua *prestige authorship*, ketiga *ghost authorship* dan keempat *honorary authorship*. Manakala Sung Tae Hong (2017), pula menyenaraikan antara kepengarangan yang tidak beretika seperti *gift authorship (honorary or guest)*, *ghost*, *swapping* dan *theft authorship*.

Walaupun senarai amalan tidak beretika dalam kepengarangan berbeza. Tetapi, secara jelasnya, apabila amalan yang disebutkan bercanggah daripada etika kepengarangan secara automatik amalan tersebut adalah tidak beretika dalam kepengarangan. Ini boleh dilihat berdasarkan percanggahan amalan tersebut dengan etika kepengarangan.

Pertama, *gift authorship*. *Gift authorship* merupakan perletakan nama seseorang dalam senarai kepengarangan akademik di atas rasa penghormatan. (Maronpot, 2011). Seperti penyelia ketua, penyelidik kanan dan sebagainya (Sung, 2017). Umumnya, *gift authors* ini akan bersetuju untuk disenaraikan sebagai pengarang. Ini bertujuan untuk meningkatkan prestasi mereka dalam kerjaya khususnya kerjaya yang berada dalam lapangan akademik. Amalan ini sangat melanggar etika kepengarangan (Gasparyan, Ayvazyan & Kitas, 2013). Sebaliknya, *gift authors* ini tidak menyumbang apa-apa berkaitan dengan kepengarangan (Smith, 1994; Flanagan, Carey, Fontanarosa, Philips, Pace & Lundberg, 1998),

Kedua, *guest authorship* pula adalah nama individu yang diletakkan sebagai pengarang tetapi tidak memberikan sumbangan sama ada terhadap komponen reka bentuk, analisis data mahupun kepengarangan. Umumnya mereka yang mempunyai nama dan terkenal dalam bidang tersebut (Schofferman, 2015). Di samping itu *guest authors* ini dibayar kerana namanya disenaraikan sebagai pengarang (Murray, Brophy & Palepu, 2010).

Honorary authorship merupakan nama individu yang diletakkan sebagai pengarang walau bagaimanapun individu tersebut tidak memenuhi syarat sebagai seorang pengarang (Herbert, Kressel & Dixon, 2011). *Honorary authors* biasanya berlaku melibatkan beberapa faktor. Pertama, pengarang artikel akademik tersebut meletakkan *honorary authors* atas dasar timbal balas yang mana *honorary authors* ini akan meletakkan nama pengarang tersebut di dalam artikel akademik yang akan datang. Kedua, kerana berkemungkinan artikel akademik tersebut diterima sekiranya *honorary authors* tersebut adalah individu yang memiliki kepakaran dalam bidang tersebut (Fong & Wilhite, 2017). Terdapat pandangan yang mengatakan *guest authors* dan *ghost authors* juga merupakan *honorary authorship* (Kumar, 2018).

Ghost authorship pula adalah tidak meletakkan nama seseorang yang memberikan sumbangan besar terhadap penghasilan kepengarangan akademik dan layak mendapat gelaran pengarang. *Ghost authorship* ini boleh berlaku apabila pengarang tersebut diberi bayaran untuk menghasilkan kepengarangan akademik (Maronpot, 2011). *Ghost authorship* ini digunakan dalam dua situasi. Pertama, merujuk kepada pengarang profesional yang kebiasaannya diupah untuk menghasilkan kepengarangan. Kedua, merujuk kepada pengarang yang menyumbang kepada penghasilan kepengarangan akademik tetapi tidak disenaraikan sebagai pengarang (Wager, 2003).


PERBINCANGAN

Secara amnya, isu ketidaketikaan dalam penulisan akademik berkumpulan dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Antaranya ialah amalan memasukkan nama pengarang yang tidak memberikan sumbangan yang besar dan menjatuhkan nama pengarang walaupun dia memberikan sumbangan yang signifikan. Malangnya, kedua-dua amalan ini sering berlaku dalam penulisan akademik pada masa kini.

Antara masalah yang menyebabkan perkara ini berlaku adalah kekangan kerja yang berlebihan dalam dunia akademia dan yuran penerbitan yang tinggi yang dikenakan oleh penerbit jurnal tersebut. Tambahan pula, jurnal pemangsa juga memanfaatkan ini dengan mengenakan yuran penerbitan yang tinggi tanpa menyemak tulisannya dengan secukupnya.

Perkara yang boleh dilakukan adalah mengkaji kaedah penamaan dalam penulisan akademik. Tradisi penulisan klasik menekankan bahawa penulisan individu adalah kaedah terbaik untuk menjaga kualiti dan etika penulisan. Walau bagaimanapun, dalam beberapa kes, penulisan berkumpulan memberikan perspektif yang sangat baik jika dilakukan dengan betul.

Rajah di bawah merupakan bentuk kecurangan dalam kepengarangan akademik secara ringkas.



KESIMPULAN

Pengkreditan terhadap individu yang tidak menyumbang kepada kepengarangan akademik atau pun tidak mengkreditkan nama pengarang yang tidak menyumbang kepada kepengarangan akademik adalah satu amalan dan perbuatan yang bertentangan dengan etika kepengarangan akademik. Ini kerana ketulenan setiap kepengarangan akademik yang dihasilkan harus dijaga dan akan dipertanggungjawabkan sebarang persoalan ke atas pengarang atau kumpulan pengarang berkaitan setiap penghasilan kepengarangan akademik.

Justeru itu, ahli akademik perlu menjaga keintegritian dalam setiap pekerjaannya lebih-lebih lagi berkaitan dengan penghasilan kepengarangan akademik agar dunia akademik dipandang tinggi sentiasa.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan di bawah Fundamental Research Grant Scheme (FRGS), FRGS / 1/2019 / SSI03 / UNISZA / 02/3 (Pembentukan Parameter Kepengarangan Berkumpulan Penulisan Akademik Berintegriti Islam: Semula Penilaian Kepada Dasar Penulisan Akademik di Malaysia). Terima kasih kepada Kementerian Pendidikan dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) atas peruntukan yang diberikan.

RUJUKAN

- American Psychological Association (2001). *Publication Manual of the American Psychological Association*. 5th ed. Washington, D.C.:
- Clement, T.P. Authorship matrix: A rational approach to quantify individual contributions and responsibilities in multi-author scientific articles. *Sci Eng Ethics*. 20(2):345-361
- Davis, M. (1997), *Scientific Papers and Presentations*. San Diego: Academic Press.
- Day, R.A. (1983) *How to Write and Publish a Scientific Paper*. Philadelphia: ISI Press.
- Derntl, M. (2014). Basics of Research Paper Writing and Publishing, *International Journal Technology Enhanced Learning*, 6(2), pp. 105-123.

- Eymard, J.H., Pittella, A.A., Barbosa, A.J.A. & Santos, S.M.E. (2014). What qualifies a person to be an author of a research paper? *Journal Brasileiro de Patologia e Medicina Laboratorial*, 50 (2).
- Flanagin, A., Carey, L., Fontanarosa, P.B., Philips, S.G., Pace, B.P., Lundberg, G.D. (1998). Prevalence of Articles with Honorary Authors and Ghost Authors in Peer-reviewed medical journals. *JAMA*. 280(3). 222-224.
- Gasparian A.Y., Ayyvazyan, L., Kitaz, G.D. (2013). Authorship problems in scholarly journals: considerations for authors, peer reviewers and editors. *Rheumatol Int*. 33:277–284.
- Hundley, E., van-Teijlingen & Simkhada, P. (2013). Academic authorship: who, why and in what order? *Health Renaissance*. 11(2). 99-101.
- Iammarino N.K., O'Rourke, T.W., Piggm R.M., Weinberg, A.D. (1989). Ethical issues in research and publication. *J Sch Health*. 59:101 124
- Kumar, S. (2018), Ethical Concerns in the Rise of Co-Authorship and Its Role as a Proxy
- Mandal, J & Parija, S.C. (2013). Ethics of Authorship in Scientific Publication. *Tropical Parasitol*. 3(2). 104-105/
- Maronpot, R.R. (2011). Responsible authorship and publication practices. *Toxicol Pathol*. 39:1029-1031.
- Murray. S, Brophy, J., Palepu, A. (2010). Open Medicine's ghost and guest authorship policy. *Open Med*. 4 (1): e11-e12.
- of Research Collaborations. *Publications*. 6(3):37.
- Patience, G.S., Galli, F., Patience, P.A. & Boffito, D.C. (2019). Intellectual contributions meriting authorship: survey results from the top cited authors across all science categories. *PLoS ONE*. 14(1). e0198117.
- Schofferman, J. (2015). Ghost and Guest Authors: You Can't Always trust Who You Read. *Pain Med*. 16(3):416-420
- Smith R. (1994). *Introductions. How to write a paper?* London: Hall GM.
- Strange K. (2008). Authorship: Why not just toss a coin? *Am J Physiol Cell Physiol*. 295(3). Pp. 567–575.
- Takang, E.E., Kweku, M. & Zotor, F.B. (2017). Publication Practices and Responsible Authorship: A review Article, *J. Public Health Afr*, 8(1). Pp. 36-42.
- Tscharntke, T., Hochberg, M.E., Rand, T.A., Resh, V.H., Krauss, J. (2007). Author sequence and credit for contributions in multiauthored publications. *PLOS Biology*. 5(18). 13–14.
- Wager, E. (2003), *How to Handle Authorship Disputes: A Guide for Researchers*, The Cope Report. Hampshire: COPE.